



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

1,536 PEMBELI PPA1M BUKIT JALIL TERIMA KUNCI RUMAH 17 BULAN LEBIH AWAL

KUALA LUMPUR, 6 Februari 2018 - Seramai 1,536 penjawat awam yang membeli Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M) Bukit Jalil berasa teruja menerima kunci rumah yang disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri hari ini. Projek ini yang telah dilancarkan pada 8 April 2015 ini sepatutnya dijadualkan siap pada bulan Mei 2019. Namun di atas prestasi cemerlang oleh pemaju iaitu Tetuan Aset Kayamas Sdn. Bhd., projek ini berjaya disiapkan 17 bulan lebih awal.

PPA1M Bukit Jalil ini juga mempunyai laluan berbumbung sepanjang 400 meter yang menghubungkan unit kediaman terus ke stesen LRT Bukit Jalil. Dengan adanya jaringan kemudahan pengangkutan awam yang kondusif seperti ini dapat memudahkan pergerakan penduduk khususnya yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Kemudahan lain yang ada di PPA1M Bukit Jalil ini juga adalah klinik, kiosk, surau, tadika, pusat asuhan kanak-kanak (TASKA), taman permainan kanak-kanak serta dewan serbaguna yang boleh memuatkan sehingga 600 orang pada satu-satu masa. Kawasan PPA1M Bukit Jalil ini turut mempunyai sistem keselamatan lengkap termasuk pengawal keselamatan yang bertugas 24 jam pada setiap hari. Atas inisiatif CSR, pemaju turut menyediakan peruntukan sebanyak RM80,000 bagi pakej ubah suai rumah kepada 10 orang pemilik unit rumah PPA1M Bukit Jalil ini. Pembeli juga mendapat rebat RM100.00 dan pengecualian caj penyelenggaraan selama sebulan juga diberikan kepada semua pembeli.

Program PPA1M ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam sentiasa terjaga terutamanya bagi kumpulan sokongan yang majoritinya dalam golongan B40. Harga jualan yang ditetapkan untuk PPA1M adalah antara RM150,000 hingga RM300,000 mengikut keluasan lantai minima tidak kurang dari 1000 kaki persegi hingga 1,434 kaki persegi berbanding nilai pasaran yang mencecah RM500,000 seunit.

Sehingga kini, kerajaan telah meluluskan sejumlah 135,456 unit yang terdiri daripada 433 projek di seluruh Malaysia dan 17,191 unit (22 projek) adalah di Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43,993 unit telah ditawarkan kepada penjawat awam yang berkelayakan. Kesemua pelaksanaan PPA1M ini dikawal selia Unit PPA1M di bawah Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Wilayah Persekutuan bagi PPA1M di WP Kuala Lumpur.

Disediakan oleh

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan